



PETA DAN JEJAK YANG DISARANKAN

JEJAK WARISAN BUKIT TIMAH

Jejak Warisan Bukit Timah adalah sebahagian daripada usaha berterusan Lembaga Warisan Negara untuk mendokumentasikan dan memperkenalkan sejarah dan kenangan sosial mengenai tempat-tempat di Singapura. Kami berharap ia dapat membawa kembali kenangan manis bagi mereka yang telah bekerja, tinggal atau beriadah di kawasan tersebut, dan agar ia menjadi suatu sumber maklumat yang boleh digunakan oleh penduduk baru dan pengunjung.



Upper Bukit Timah Road, 1982
Daripada Koleksi Lee Kip Lin. Hak cipta terpelihara. Lee Kip Lin dan Lembaga Perpustakaan Negara, Singapura 2016

SARANAN JEJAK RINGKAS

Bukit Timah, kawasan yang meliputi pelbagai bahagian yang berlainan di sepanjang Bukit Timah Road, pernah menjadi pusat peristiwa penting dalam sejarah Singapura pada suatu ketika dahulu. Dari detik-detik pertempuran perang dunia kedua hingga ke sisa-sisa kehidupan kampung, ayuh mengenali lebih lanjut tentang sejarah kawasan ini menerusi tiga jejak tematik di bawah ini.

Jejak Santai dan Pembelajaran (2 jam; berjalan kaki)

Terdapat sebilangan mercu tanda tempat sosial dan santai yang digemari oleh penduduk dan rakyat Singapura di Bukit Timah. Jejak ini meliputi beberapa mercu tanda itu termasuk destinasi makanan yang popular, Tapak Warisan Dunia UNESCO yang pertama Singapura serta pusat-pusat penting penyelidikan dan pendidikan.



Mulakan perjalanan anda dari Stesen MRT Botanic Gardens (lalu keluar 'A') ke arah **Cluny Court** di mana terdapat kafe-kafe dan perniagaan yang lain. Bangunan rumah kedai yang dibina pada 1928 ini dipulihara oleh Penguasa Pembangunan Semula Bandar (URA) dan memaparkan unsur-unsur hiasan halus termasuk ruang jejalar, ukir timbul bas dan jubin bercorak yang menjadi ciri tersendiri rumah-rumah kedai dari tahun 1900 hingga 1940.

Neoklasik dan Moden Antarabangsa. Semua ini telah diwartakan secara kolektif sebagai Monumen Negara.



Dari sini, seberang ke Dunearn Road untuk ke **Pusat Makanan Adam Road** yang dibuka pada 1974. Pusat makanan ini bermula sebagai gerai-gerai makanan yang terbuka sebelum para penjaja ditempatkan semula ke lokasi masa kini untuk memberi jalan kepada pembinaan sebuah jejambat. Di sini anda boleh mencuba nasi lemak, sup tulang dan rojak India yang terkenal di pusat makanan ini.



Teruskan perjalanan anda di Dunearn Road ke arah persimpangan Kheam Hock Road. Seberang Dunearn Road dan Bukit Timah Road, dan anda akan sampai di kampus Bukit Timah, Universiti Nasional Singapura. Ini adalah bekas tapak **Raffles College** yang ditubuhkan pada 1928 sebagai institusi pengajian tinggi kedua Singapura. Bangunan-bangunan dalam kawasan kampus memantulkan reka bentuk seni bina yang gilang-gemilang termasuk

Pekarangan bekas Raffles College terletak bersebelahan dengan **Kebun Bunga Singapura** yang merupakan hentian terakhir jejak ini. Kebun Bunga yang ditubuhkan pada 1859 ini adalah Tapak Warisan Dunia UNESCO pertama Singapura. Sepanjang bertahun-tahun lamanya, Kebun Bunga ini memainkan peranan penting dalam sains botani dan pemuliharaan, dan menjadi batu loncatan bagi perubahan ekonomi dan persekitaran merentasi rantau ini. Di dalam Kebun Bunga ini, anda boleh meneroka kepelbagaian pokok dan tumbuh-tumbuhan hutan hujan yang meluas, atau bersiar-siar di sekitar Swan Lake yang dibina pada tahun 1866. Anda juga boleh melawat banyak bangunan yang dipulihara dalam kawasan Kebun Bunga, termasuk Dewan Burkill yang dibina pada tahun 1868. Banglo dua tingkat ini merupakan satu-satunya contoh reka bentuk rumah ladang Inggeris-Melayu yang masih ada di dunia.



Jejak Peninggalan Perang Dunia II (1 jam setengah; bas dan berjalan kaki)

Semasa Perang Dunia II (WWII), Bukit Timah merupakan sasaran utama bagi tentera Jepun kerana depoh bekalan pihak British, kolam air dan Bukit Timah yang strategik kesemuanya terletak di kawasan ini. Jejak ini meneroka tapak-tapak yang berkaitan dengan Perang Dunia II serta tempat-tempat yang membawa kenangan dan legasi penjajahan Jepun.



Mulakan perjalanan anda dari Hutan Simpanan Bukit Timah yang mudah dimasuki melalui Hindhede Drive. Kawasan simpanan ini, yang ditubuhkan oleh pihak British dalam 1880-an, mempunyai laluan terbesar hutan hujan asal di Singapura, dan juga melindungi pelbagai jenis tumbuh-tumbuhan dan haiwan. Dalam kawasan simpanan ini, terdapat Bukit Timah Hill yang tingginya 163 meter, menjadikannya sasaran utama tentera Jepun semasa Perang Dunia II kerana bukit ini menyediakan kedudukan taktikal yang baik buat pasukan yang menceroboh. Biarpun pasukan Bersekutu cuba mempertahankan bukit itu, ia ditawan tentera Jepun pada 11 Februari 1942. Satu penanda warisan dekat Pusat Pelawat menyediakan perincian lanjut mengenai beberapa pertempuran yang berlaku di kawasan ini.

bekas Beauty World, yang terletak di seberang jalan. Bekas Beauty World ialah sebuah pasar dan hab hiburan yang ditubuhkan semasa Pendudukan Jepun sebagai Taman Hiburan Tai Tong Ah Sai Kai (dalam dialek Kantonis bermakna "Dunia Asia Timur Yang Lebih Hebat"). Pihak berkuasa Jepun membenarkan dan menggalakkan kegiatan judi di taman itu sebagai cara memerangi inflasi mata wang dan mengalihkan rintangan terhadap penjajahannya. Selepas perang, Tai Tong Ah dinamakan semula sebagai Beauty World dan menjadi sebuah pasar bagi penduduk Bukit Timah. Dalam Beauty World terdapat lebih daripada 160 buah gerai pasar, sebuah panggung wayang dan sebuah kuil Cina. Selepas mengalami kebakaran dalam lima kejadian yang berasingan, akhirnya Beauty World ditutup pada tahun 1983.



Dari kawasan simpanan ini, naiki bas ke arah Upper Bukit Timah Road untuk ke Kilang Ford Lama. Kilang ini merupakan kilang pemasangan kereta Ford Motor Company yang pertama di Asia Tenggara sebelum dijadikan ibu pejabat sementara Jepun oleh Letenan-Jeneral Yamashita Tomoyuki semasa pencerobohan Singapura. Di sinilah tempatnya pihak British menyerah diri kepada Jepun pada tahun 1942, menandakan bermulanya Pendudukan Jepun. Pada tahun 2017, satu pameran tetap bertajuk 'Mengharungi Pendudukan Jepun: Peperangan dan Peninggalannya' atau *Surviving the Japanese Occupation: War and its Legacies* dilancarkan dan ia mempamerkan peristiwa dan kenangan semasa perang dan Pendudukan Jepun.




Teruskan perjalanan anda ke Beauty World Centre dengan menaiki bas ke arah Bukit Timah Road. Pusat beli-belah ini siap dibina pada tahun 1984 untuk menempatkan penjaja dan pegerai dari



Jejak Kehidupan Kampung (1 jam; bas and berjalan kaki)

Bangunan dan institusi yang pada suatu masa dahulu merupakan sebahagian daripada zaman silam kampung Bukit Timah, masih boleh didapati di kawasan ini pada masa kini. Jejak ini memaparkan bekas tapak stesen kereta api dan juga tempat-tempat ibadah yang memainkan peranan utama dalam kehidupan agama dan sosial bagi penduduk kampung dahulu dan jemaah agama masing-masing kini.



Mulakan perjalanan anda dari Stesen MRT King Albert Park (lalu keluar 'A') ke arah barat Bukit Timah Road menuju jambatan ke dua landasan kereta api. Ada sebatang lorong berdekatan dengan jambatan yang menghala ke bekas **Stesen Kereta Api Bukit Timah**. Stesen yang didirikan pada 1930-an ini, adalah sebahagian daripada bekas landasan kereta api yang menghubungkan Singapura dan Semenanjung Tanah Melayu. Stesen satu tingkat ini telah dibina dalam reka bentuk yang mengingatkan kita akan kotej tradisional yang terdapat di Eropah dan mempunyai platform terbuka dengan enam ruang struktur, sebuah pejabat ketua stesen, tempat menunggu dan pejabat perisyratan. Landasan kereta api yang bersebelahan stesen itu pernah membelah dua beberapa bekas petempatan termasuk Kampong Quarry dan Fuyong Estate. Bagi kanak-kanak yang bermain di landasan kereta api, atau penduduk yang sudah biasa dengan bunyi kereta api, landasan kereta api ini adalah sebahagian daripada kehidupan sehari-hari suatu ketika dahulu.


Hentian terakhir dalam jejak ini ialah **Kuil Hoon San**, yang terletak tidak berapa jauh daripada Masjid Al-Huda. Kuil yang dibina pada 1902 oleh pendatang dari desa Jiazhou, Fujian, China, menyemadikan dewa Lim Tai See, yang namanya dicerminkan di Jalan Lim Tai See. Kuil Hoon San memaparkan sokongan struktur palang lintang kayu yang dibina mengikut reka bentuk Hokkien, serta lukisan dinding yang rumit dan mural yang bertemakan menghormati ibu bapa dan budaya tradisional Cina. Sehingga 1980-an, persembahan sering diadakan di pentas wayang yang tetap dekat dengan kuil itu dan menarik banyak penonton dari kampung-kampung berdekatan.



Patah balik perjalanan anda ke arah Bukit Timah Road, di mana anda boleh menaiki bas atau MRT ke Sixth Avenue. Teruskan perjalanan anda di Sixth Avenue ke arah Jalan Haji Alias, dan hala ke **Masjid Al-Huda**. Masjid ini dibina pada tahun 1925 dan memainkan peranan penting bagi kehidupan masyarakat penduduk Islam di kawasan itu, yang dahulu wujud banyak kampung menghadapi isu kekurangan kediaman. Ia terletak bersebelahan bekas tapak Kampung Chamar yang lebih dikenali sebagai kediaman penyanyi-penulis lagu, Ramli Sarip, semasa beliau berada di zaman kanak-kanak. Di sini, anda juga boleh meneroka satu lagi jambatan keretapi yang merentasi Upper Bukit Timah Road, atau singgah ke Rail Mall yang berdekatan untuk makanan dan minuman ringan.



*Kawasan di sekitar bekas Stesen Kereta Api Bukit Timah akan ditutup untuk pemasangan paip air sehingga penghujung tahun 2018.



Leisure and Learning Trail	WWII Legacy Trail	Kampong Life Trail	Rail Corridor

HERITAGE SITES IN THE SUGGESTED SHORT TRAIL ROUTES

- | | | | | | | | | | | |
|----------------------------|--|---------------------|---------------------|------------------------------------|-----------------|----------------|------------------|------------------------|------------------------|---------------------------|
| | | | | | | | | | | |
| BUKIT TIMAH NATURE RESERVE | CHEONG CHIN NAM ROAD, CHUN TIN ROAD, YUK TONG AVENUE & THAM SOONG AVENUE | FORMER BEAUTY WORLD | FORMER FORD FACTORY | FORMER BUKIT TIMAH RAILWAY STATION | HOON SAN TEMPLE | MASJID AL-HUDA | ADAM FOOD CENTRE | CLUNY COURT SHOPHOUSES | FORMER RAFFLES COLLEGE | SINGAPORE BOTANIC GARDENS |

All information contained in this trail map is provided in good faith, and every reasonable effort has been made to ensure that the information is accurate and up to date at time of print. Accordingly, NHB makes no warranty or representation relating to the trail map and all information contained therein, and users relying on any of the information contained in the trail map shall do so at their own risk and diligence.

©2018 National Heritage Board. All rights reserved.